**PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA**
**BILANGAN 2 TAHUN 2020**

---

# TATACARA SIASATAN

---

## 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan tatacara dan panduan dalam mengendalikan siasatan bagi kesalahan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], Enakmen Perhutanan, Kaedah-Kaedah Hutan (KKH), Enakmen Industri Berasas Kayu (EIBK) dan Kaedah-Kaedah Industri Berasas Kayu (KKIBK) yang perlu dipatuhi oleh Pegawai Hutan.

## 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) Bilangan 2 Tahun 2020: Tatacara Siasatan adalah merupakan pengemaskinian ke atas Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) Bilangan 9 Tahun 2013 Tatacara Siasatan.

2.2 Pekeliling ini adalah panduan kepada Pegawai Hutan yang dilantik sebagai Pegawai Penyiasat [Investigation Officer (IO)] untuk mengendalikan penyiasatan dengan lebih terancang, teratur, efisien dan berkualiti. Tatacara siasatan ini juga menerangkan proses siasatan ke atas kes kesalahan berkaitan perhutanan dan juga industri berasas kayu selaras dengan Bab 16: Penguatkuasaan Undang-Undang, Manual Perhutanan Jilid II dan undang-undang lain berkaitan perhutanan dan industri berasas kayu yang berkuatkuasa.

## 3.0 PERUNTUKAN KUASA UNTUK MENJALANKAN PENYIASATAN

Tatacara siasatan ini menggariskan peruntukan kuasa kepada IO yang dilantik untuk menjalankan penyiasatan bagi kesalahan-kesalahan hutan di bawah Akta 313, Enakmen Perhutanan, Kaedah-Kaedah Hutan serta undang-undang lain berkaitan perhutanan. Peruntukan kuasa untuk menjalankan penyiasatan adalah sepertimana berikut:

### 3.1 Akta Perhutanan Negara 1984

Subseksyen 88(3), Akta 313 memperuntukkan kuasa menjalankan penyiasatan bagi kesalahan-kesalahan hutan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

### 3.2 Enakmen Industri Berasas Kayu

Seksyen 13, EIBK memperuntukkan kuasa menjalankan penyiasatan bagi kesalahan-kesalahan di bawah enakmen tersebut.

### 3.3 Kanun Prosedur Jenayah

Seksyen 107 hingga 120, Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) memperuntukkan kuasa-kuasa penyiasatan dan perkara-perkara yang perlu diikuti semasa siasatan dilakukan.

## 4.0 KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984 DAN ENAKMEN INDUSTRI BERASAS KAYU

Semua kesalahan hutan di bawah Akta 313, KKH, EIBK dan KKIBK adalah merupakan kesalahan boleh tangkap tanpa waran. Senarai kesalahan hutan di bawah Akta 313 adalah seperti di <u>LAMPIRAN 1</u> dan senarai kesalahan di bawah EIBK adalah seperti di <u>LAMPIRAN 2</u>.

## 5.0 SIASATAN

Siasatan termasuklah tindakan menyoal siasat seseorang yang disyaki/ saksi, memeriksa dengan terperinci segala fakta, mengumpul segala keterangan serta bukti berkaitan secara sah dan sistematik.

## 6.0 PROSES SIASATAN

Proses siasatan bermula setelah IO menerima arahan dari Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis (dengan menggunakan apa-apa medium) untuk menjalankan penyiasatan berhubung dengan laporan polis yang telah dibuat oleh Pegawai Serbuan [Raiding Officer (RO)].

PPN hendaklah melantik secara bertulis kepada mana-mana Pegawai Hutan yang berpangkat tidak rendah daripada Renjer Hutan/ Penolong Pemelihara Hutan Gred G29 sebagai IO untuk menjalankan tugas berhubung dengan apa-apa siasatan mengenai apa-apa kesalahan berkaitan hutan atau industri berasas kayu. Proses siasatan boleh dibahagikan kepada tiga (3) peringkat seperti berikut:

### 6.1 Tindakan Sebelum Siasatan

Selepas menerima arahan dilantik, IO hendaklah mengambil tindakan sepertimana berikut:

**(a) Membuka Kertas Siasatan [Investigation Paper (IP)]**

IO yang dilantik hendaklah menyelaras tindakan membuka dan mendaftar IP bagi Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) masing-masing. Setiap IP hendaklah diberi nombor pendaftaran bagi tujuan rujukan bermula dengan Kod JPN diikuti dengan Kod Daerah Hutan dalam JPN, Bilangan IP dan Tahun IP itu dibuka seperti contoh di **LAMPIRAN 3**. Contoh PHN. NS/NSB/01/04/2018 bagi IP di JPN Negeri Sembilan. IP juga hendaklah direkod di dalam Daftar Kertas Siasatan Kesalahan Hutan seperti format di **LAMPIRAN 4**.

**(b) Penubuhan Pasukan Penyiasat**

IO mesti menubuhkan pasukan penyiasat yang dianggotai oleh IO, jurugambar, pasukan forensik atau anggota-anggota lain. Sekiranya pasukan penyiasatan melibatkan pasukan forensik, maka tatacara kerja pasukan forensik adalah sepertimana Pekeliling KPPSM Bilangan 1 Tahun 2017: Garis Panduan Forensik Perhutanan.

(c) **Penerimaan Dokumen**

Sebelum menjalankan penyiasatan, IO perlu mendapatkan maklumat terperinci daripada RO mengenai kes kesalahan hutan dan dokumen yang perlu diserahkan kepada IO adalah seperti berikut:

(i) laporan polis;

(ii) laporan awal kesalahan hutan (termasuk pelan lakar, gambar barang kes/ lokasi kejadian dan dokumen-dokumen lain);

(iii) borang bongkar;

(iv) borang serahan barang-barang kes;

(v) bon jaminan polis (sekiranya suspek diberikan jaminan oleh polis untuk dilepaskan sementara);

(vi) borang pemakluman kepada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) seperti di LAMPIRAN 5; dan

(vii) dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

IO perlu memastikan penerimaan suspek (jika ada) daripada RO. Selain itu, IO perlu memastikan barang-barang yang disita adalah sama sepertimana yang direkodkan dalam borang bongkar. Format borang bongkar adalah sepertimana di LAMPIRAN 6.

Untuk tujuan penerimaan barang-barang kes, IO hendaklah memastikan butiran mengenai barang-barang yang disita direkodkan di dalam borang serahan barang-barang kes seperti format di LAMPIRAN 7. Borang tersebut hendaklah ditandatangani oleh pegawai yang menyerah dan pegawai yang menerima.

## 6.2 Tindakan Semasa Siasatan

Semasa mengendalikan siasatan, IO perlu memastikan perkara-perkara berikut sentiasa dipatuhi dari semasa ke semasa. Berikut adalah tindakan oleh IO semasa siasatan:

### (a) Penyediaan Diari Siasatan

Diari siasatan hendaklah disediakan oleh IO mengikut peruntukan seksyen 119 KPJ seperti contoh di <u>LAMPIRAN 8</u> sebagai rekod siasatan dan rujukan sesuatu fakta semasa memberi keterangan di mahkamah. Diari siasatan hendaklah dimasukkan ke dalam IP dan ditandakan sebagai 'C'. Jika siasatan dikendalikan lebih daripada seorang IO, diari siasatan mesti ditandakan sebagai 'C1', 'C2', 'C3' dan seterusnya.

### (b) Pengendalian Suspek

Jika siasatan ke atas suspek yang ditangkap dan ditahan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam serta terdapat sebab untuk mempercayai bahawa tuduhan/ maklumat terhadap suspek adalah berasas, IO boleh memohon kebenaran untuk mereman suspek daripada Majistret mengikut seksyen 117 KPJ sebelum tamat tempoh tahanan dua puluh empat (24) jam itu. Berikut adalah dokumen yang perlu disediakan untuk proses permohonan reman semasa di mahkamah:

(i) surat permohonan reman (contoh surat permohonan reman adalah seperti di <u>LAMPIRAN 9A</u> dan <u>LAMPIRAN 9B</u>). Bagi mahkamah yang menggunakan sistem e-Kehakiman, permohonan reman hendaklah dibuat secara dalam talian;

(ii) diari siasatan disediakan sebanyak tiga (3) salinan;

(iii) borang minit permohonan reman (<u>LAMPIRAN 10</u>);

(iv) salinan laporan polis;

(v) borang pemakluman kepada YBGK (jika suspek warganegara Malaysia atau kanak-kanak berumur 18 tahun dan ke bawah bagi bukan warganegara); dan

(vi) surat makluman kepada kedutaan (jika tangkapan melibatkan bukan warganegara).

Jika siasatan ke atas suspek (dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam) dan tiada sebab untuk menahan suspek lebih lama, suspek hendaklah dibebaskan dengan jaminan polis di bawah seksyen 29 KPJ. Salinan pendua jaminan polis tersebut mesti disimpan di dalam IP. Contoh surat jaminan polis (Polis 43) adalah di **LAMPIRAN 11**. IO hendaklah memastikan peguam suspek/ peguam YBGK telah dimaklumkan mengenai mahkamah yang mana suspek akan dibawa dan masa yang ditetapkan untuk permohonan reman.

Sekiranya suspek berhasrat untuk berjumpa peguam suspek/ peguam YBGK sebelum permohonan reman dibuat, peguam tersebut hendaklah dibenarkan bertemu dengan suspek di mahkamah tersebut, tertakluk kepada subseksyen 28A (8) KPJ (rujuk Garis Panduan bagi Pegawai Penguatkuasa Berkaitan dengan Tangkapan dan Reman yang dikeluarkan oleh YBGK). Suspek hendaklah dibawa ke hadapan Majistret ketika permohonan reman dikemukakan. Permohonan reman adalah tertakluk kepada kes yang disiasat sebagaimana berikut:

(i) jika kesalahan yang sedang disiasat boleh dihukum dengan penjara kurang daripada empat belas (14) tahun, reman adalah tidak lebih daripada empat (4) hari pada permohonan pertama dan tidak lebih daripada tiga (3) hari pada permohonan kedua; atau

(ii) jika kesalahan yang sedang disiasat boleh dihukum dengan hukuman mati atau penjara selama tempoh empat belas (14) tahun atau lebih, reman adalah tidak lebih daripada tujuh (7) hari pada permohonan pertama dan tidak lebih daripada tujuh (7) hari pada permohonan kedua.

Prosedur yang sama seperti permohonan reman hendaklah diikuti bagi permohonan melanjutkan tempoh reman. Sekiranya suspek perlu dikeluarkan dari lokap untuk tujuan soal siasat, permohonan reman atau apa-apa tujuan lain, IO hendaklah mengemukakan permohonan kepada pegawai yang menjaga balai polis di mana lokap itu berada. Contoh surat permohonan mengeluarkan tahanan lokap adalah seperti di **LAMPIRAN 12**.

Sebelum tempoh reman berakhir, IO harus merujuk IP kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk mendapatkan arahan pertuduhan terhadap suspek. Sekiranya IP belum lengkap maka pembebasan suspek perlu dilakukan. Surat permohonan pembebasan ini hendaklah dikemukakan sebanyak tiga (3) salinan kepada Majistret dan setiap satu (1) salinan akan disimpan oleh Pendaftar Mahkamah, balai polis terlibat dan IO. Contoh Surat Permohonan Pembebasan Reman adalah seperti di **LAMPIRAN 13**.

Sekiranya tiada pertuduhan, suspek hendaklah dibebaskan dengan jaminan polis. Salinan pendua jaminan polis tersebut mesti disimpan di dalam IP. Tempoh sah jaminan polis ke atas suspek adalah selama tiga puluh (30) hari dan perlu diperbaharui sekiranya siasatan masih belum selesai. Tempoh maksimum jaminan polis adalah selama sembilan puluh (90) hari.

**(c) Pengendalian Barang Kes**

Barang kes merupakan sebarang item berkaitan kes kesalahan yang diperolehi atau disita bagi tujuan siasatan atau pendakwaan dan tidak semestinya berakhir dengan pengemukaannya di mahkamah sebagai bukti (keterangan). Barang kes merupakan segala bentuk barang/artikel sepertimana berikut:

(i) merupakan perkara subjek utama sesuatu kesalahan;

(ii) digunakan untuk melakukan kesalahan;

(iii) berhubung kait dengan kes kesalahan yang disiasat; dan

(iv) boleh menyokong pertuduhan.

Sekiranya barang kes yang masih berada di tempat kejadian dan belum dipindahkan, tanggungjawab barang kes tersebut adalah di bawah RO dan Pegawai Hutan Daerah (PHD). Barang kes yang telah dihantar ke bilik/stor barang kes atau yang masih berada di tempat kejadian adalah di bawah tanggungjawab IO setelah borang serah menyerah barang-barang kes antara RO dan IO ditandatangani.

Barang kes hendaklah ditanda semula, direkodkan, disimpan dan dikendalikan mengikut undang-undang berkaitan yang sedang berkuatkuasa. Berikut adalah tatacara pengendalian setiap barang kes yang disita:

**(i) Jentera dan Alat Pengangkutan**

Bagi barang kes yang didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) seperti jentera dan alat pengangkutan, IO hendaklah mengemukakan permohonan semakan pemilikan kepada JPJ untuk tujuan pengesahan pemilikan kenderaan melalui nombor enjin dan nombor casis kenderaan tersebut.

Sekiranya IO mendapati nombor enjin dan nombor casis tidak dapat dikenalpasti dengan jelas atau diusik ganggu, IO hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Kimia Malaysia untuk tujuan analisis kriminalistik.

Barang kes seperti jentera dan alat pengangkutan yang disita hendaklah disimpan di stor barang kes. Semua barang kes yang disimpan dalam bilik/stor barang kes sepertimana Pekeliling KPPSM Bilangan 3 Tahun 2020: Tatacara Pengendalian Barang Kes.

**(ii) Barang Kes Mudah Rosak**

Sekiranya barang kes adalah jenis mudah rosak atau reput atau penjagaannya melibatkan perbelanjaan dan kesulitan yang tidak munasabah atau boleh menyebabkan galangan atau bencana kepada orang awam, IO boleh mengesyorkan kepada PPN supaya barang kes itu dijual seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 94(6) Akta 313.

Sebelum apa-apa barang kes dijual mengikut subseksyen 94(6) Akta 313, IO hendaklah memastikan rantaian keterangan berkaitan barang kes itu tidak terputus dan tindakan telah diambil sepertimana berikut:

(1) menanda barang kes;

(2) merekodkan butiran barang kes (sekiranya barang kes adalah hasil hutan, butiran yang perlu direkod ialah spesies, ukuran dan kuantiti);

(3) mengambil gambar barang kes; dan

(4) merekodkan butiran jualan barang kes seperti kaedah jualan, tarikh jualan, butiran pembeli dan nilai jualan.

Hasil jualan barang kes hendaklah dimasukkan ke Akaun Amanah dan BUKANNYA ke dalam Akaun Hasil Kerajaan sehingga kes selesai.

(iii) **Gambar-gambar Barang Kes**

Barang kes yang berupa gambar hendaklah disediakan sebanyak lima (5) set seperti berikut:

(1) set pertama hendaklah disertakan bersama dengan filem (bagi gambar yang dirakam menggunakan kamera filem) atau cakera padat CD-R / DVD-R (bagi gambar yang dirakam menggunakan kamera digital);

(2) empat (4) set ini hendaklah disimpan dalam kabinet kering untuk mengelakkan kondensasi dan kerosakan kepada gambar, filem atau cakera padat CD-R / DVD-R itu; dan

(3) gambar-gambar dalam set ke-5 pula hendaklah dilekatkan secara bersusun pada kertas saiz A4 dan dimasukkan dalam IP.

(iv) **Barang Kes untuk Analisis ke Jabatan Kimia Malaysia**

Barang kes yang memerlukan analisis ke Jabatan Kimia Malaysia hendaklah dihantar dalam bungkusan atau sampul yang dimeterai dengan cop rasmi Jabatan sepertimana Pekeliling KPPSM Bilangan 1 Tahun 2017: Garis Panduan Forensik Perhutanan.

(v) **Pelepasan Sementara Barang Kes**

Pelepasan sementara barang kes kepada pemunya barang kes tersebut boleh dibuat di bawah subseksyen 94(2) Akta 313 setelah memuaskan hati PPN serta pengesahan pemilikan barang kes. Pelepasan sementara barang kes juga boleh dibuat dengan mendapatkan perintah Majistret mengikut peruntukan seksyen 413 KPJ. Dokumen yang perlu disediakan sebanyak tiga (3) salinan sepertimana berikut:

(1) surat permohonan jabatan;

(2) laporan polis;

(3) bon kemukakan barang kes;

(4) bon penjamin kepada barang kes; dan

(5) lain-lain dokumen sokongan.

**(d) Rakaman Percakapan**

Percakapan suspek dan saksi hendaklah dirakam dengan menggunakan Borang Percakapan Dalam Pemeriksaan seperti di **LAMPIRAN 14A** dan **LAMPIRAN 14B**. IO hendaklah memberitahu kepada suspek bahawa dia boleh berhubung dengan saudara/ kawan untuk memberitahu di mana dia berada dan berkomunikasi dengan pengamal undang-undang pilihannya kecuali, jika semunasabahnya IO percaya bahawa tindakan tersebut akan menyebabkan sepertimana berikut:

(i) rakan jenayah suspek mengambil tindakan lanjut untuk diberkas; atau

(ii) penyembunyian, pemalsuan, kemusnahan keterangan, menakuti saksi sebagaimana seksyen 28A (8) KPJ.

Percakapan yang dirakamkan mestilah diberi secara sukarela, iaitu tanpa apa-apa dorongan, ancaman atau janji. Sebelum rakaman percakapan dibuat, pegawai perakam hendaklah memastikan sama ada suspek atau saksi memahami bahasa yang dipertuturkan kepadanya dengan bertanya beberapa soalan dan menilai kefahamannya berdasarkan jawapan yang diberi. Jika suspek atau saksi tidak boleh bertutur dalam bahasa yang digunakan oleh IO, khidmat jurubahasa hendaklah digunakan. Sekiranya jurubahasa itu seorang pegawai hutan, pegawai perakam hendaklah memastikan bahawa pegawai berkenaan tidak terlibat secara aktif dalam kes yang sedang disiasat itu.

Sebelum percakapan dirakamkan, pegawai perakam hendaklah menyatakan kepada suspek atau saksi berkenaan mengenai keperluan di bawah subseksyen 112(2) dan 112(3) KPJ dan menandatangani pernyataan tersebut. Contoh pernyataan adalah seperti berikut :-

(i) *"Mengikut seksyen 112 Kanun Prosedur Jenayah saya telah memberitahu kepada* (nama suspek/ saksi) *berkenaan dengan syarat-syarat subseksyen (2) dan (3) sebagaimana berikut* ;

(ii) *Kamu hendaklah menjawab semua soalan yang dikemukakan kepada kamu. Kamu boleh menolak daripada menjawab* apa-apa *soalan yang boleh menyebabkan kamu dibabitkan pada sesuatu tuduhan jenayah atau dihukum atau dirampas harta benda kamu"*; dan

(iii) *Kamu wajib bercakap benar sama ada atau tidak keterangan kamu dibuat seluruhnya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan-soalan saya".*

Ayat-ayat, perkataan-perkataan dan gaya bahasa yang dicatatkan dalam borang percakapan dalam pemeriksaan hendaklah ayat-ayat, perkataan-perkataan dan gaya bahasa yang dipertuturkan oleh suspek atau saksi itu. Setelah percakapan selesai dirakamkan, kandungan percakapan itu hendaklah dibacakan semula kepada suspek atau saksi. Dalam keadaan di mana khidmat jurubahasa digunakan, percakapan yang dibacakan semula itu hendaklah diterjemahkan kepadanya. Suspek atau saksi hendaklah diberi peluang untuk membuat penambahan atau pindaan ke atas kenyataan yang diberikan melalui soalan-soalan seperti contoh berikut :-

(i) soalan: *Adakah kenyataan ini merupakan semua yang awak ketahui mengenai perkara ini?*

(ii) soalan: *Adakah awak ingin menambah atau membuat apa-apa pindaan?*

Pegawai perakam, suspek atau saksi dan jurubahasa (jika berkaitan) hendaklah menandatangani atau menurunkan cap ibu jari di setiap muka surat rakaman percakapan tersebut. Setiap perkataan yang dipotong atau dipinda dalam rakaman percakapan itu hendaklah ditandatangan ringkas atau diperturunkan cap ibu jari oleh pegawai perakam, suspek atau saksi dan jurubahasa (jika berkaitan).

Sekiranya suspek atau saksi enggan menandatangani atau menurunkan cap ibu jari pada Borang Percakapan Dalam Pemeriksaan, pegawai perakam hendaklah mencatatkan keengganan suspek atau saksi tersebut pada rakaman percakapan itu. Rakaman percakapan hendaklah ditutup dengan catatan ayat seperti berikut :-

(i) "*Keterangan ini telah saya *baca/dibacakan semula kepada saya oleh *pegawai perakam/ Jurubahasa dan diterjemahkan ke bahasa yang saya fahami, dan saya akui bahawa segala keterangan yang diberikan di atas adalah sebenarnya*".

(*potong mana yang tidak berkenaan)

| | |
|---|---|
| Oleh saya | Diterjemahkan oleh saya |
| t.t. | t.t. |
| --------------------- | --------------------- |
| Nama suspek atau saksi: | Nama Jurubahasa: |
| No.KP/ Pasport: | No.KP/ Pasport: |

Dihadapan saya
t.t.
-----------------------
Nama Pegawai Perakam:
Jawatan:

Borang Percakapan Dalam Pemeriksaan yang telah lengkap adalah berstatus SULIT dan tidak boleh dibuat salinan kepada sesiapa melainkan jika diarahkan oleh TPR. Rakaman percakapan hendaklah ditanda dalam IP seperti berikut:

(i) rakaman percakapan pengadu ditanda sebagai 'A1'.

(ii) rakaman percakapan saksi-saksi lain ditanda sebagai 'A2', 'A3' dan seterusnya.

(iii) rakaman percakapan suspek-suspek ditanda sebagai 'B1', 'B2', 'B3' dan seterusnya.

Sekiranya pengadu/ saksi/ suspek enggan menghadirkan diri untuk dirakamkan percakapan, IO hendaklah mengeluarkan arahan bertulis. Contoh surat arahan untuk hadir memberikan rakaman percakapan adalah di **LAMPIRAN 15**. Siasatan mengikut peruntukan subseksyen 111(2) KPJ maka, jika pengadu/ saksi/ suspek masih ingkar, maka IO hendaklah melaporkan keengganan orang itu kepada Majistret.

(e) **Rakaman Percakapan Pengadu/Saksi**

Percakapan yang dirakam daripada pengadu/ saksi hendaklah menjurus kepada perkara-perkara berikut:

(i) mengenai identiti dan pekerjaan;

(ii) tarikh dan masa serbuan itu dilakukan;

(iii) nama suspek atau individu yang berada di tempat serbuan;

(iv) gambaran sebenar tempat kejadian (kedudukan jalan, matau, kawasan tebangan, jentera, pondok pekerja dan lain-lain);

(v) barang kes yang ditemui dan sebab-sebab ia disita;

(vi) peranan dan tugas pegawai/ anggota operasi semasa serbuan dijalankan;

(vii) pengecaman semula ke atas barang kes yang disita dan pengecaman yang dibuat; dan

(viii) lain-lain soalan yang berkaitan.

**(f) Rakaman Percakapan Suspek**

Percakapan yang dirakam daripada suspek adalah bagi maksud mendapatkan maklumat berikut:

(i) mengenai identiti, kerakyatan dan pekerjaan suspek;

(ii) tarikh dan masa kesalahan itu dilakukan;

(iii) fakta-fakta lain berkaitan dengan kesalahan itu;

(iv) mana-mana individu iain yang terlibat dan menyebabkan berlakunya kesalahan;

(v) sama ada kesalahan tersebut dilakukan secara berkomplot atau melibatkan individu lain yang turut bersubahat dalam perlakuan kesalahan;

(vi) perkaitan antara suspek dengan majikan yang memberi arahan dalam melakukan kesalahan tersebut;

(vii) perbuatan yang dilakukan oleh suspek semasa serbuan; dan

(viii) lain-lain soalan yang boleh mengaitkan suspek kepada kesalahan hutan.

(g) **Rakaman Percakapan Saksi/ Suspek Yang Ditemani Pengamal Undang-undang**

IO hendaklah membenarkan suspek berjumpa dengan pengamal undang-undang pilihannya jika diminta berbuat demikian. IO berhak untuk membenarkan atau tidak membenarkan pengamal undang-undang untuk bersama suspek semasa rakaman percakapan dilakukan. IO berhak untuk mengarahkan pengamal undang-undang tersebut tidak mengganggu/ menghalang proses rakaman percakapan dilakukan.

(h) **Lawatan ke Tempat Kejadian**

IO hendaklah membuat lawatan ke tempat kejadian seberapa segera setelah mendapat arahan untuk menjalankan siasatan bagi mendapat gambaran jelas di tempat kejadian. IO semasa menjalankan siasatan boleh menggeledah dengan waran atau tanpa waran mana-mana premis untuk mendapatkan bukti lanjutan berkaitan dengan kes yang disiasat. Contoh Waran Untuk Geledah adalah seperti di **LAMPIRAN 16**. Tindakan yang perlu diambil di tempat kejadian adalah sepertimana di bawah.

(i) **Mengambil Gambar di Tempat Kejadian**

IO semasa menjalankan siasatan di tempat kejadian perlu mengambil gambar tempat kejadian seperti matau, lorong penarik, tunggul pokok, kongsi/ pondok pekerja dan juga barang-barang kes yang belum dipindahkan seperti jentera, kenderaan bermotor, mesin, kayu bulat dan lain-lain. Gambar barang kes hendaklah menunjukkan barang kes sahaja tanpa kehadiran mana-mana individu di dalam gambar tersebut.

(ii) **Penandaan Barang-barang Kes yang Disita**

IO semasa menjalankan siasatan di tempat kejadian perlu membuat penandaan semua barang-barang kes yang belum dipindahkan seperti jentera, kenderaan bermotor, mesin, kayu bulat dan lain-lain.

Sekiranya terdapat penemuan barang kes yang baharu, tindakan sitaan hendaklah dijalankan dan melengkapkan borang bongkar. Barang kes tersebut hendaklah ditanda dan satu laporan polis perlu dibuat mengenai penyitaannya.

(iii) **Pelan Lakar Kawasan Kejadian**

IO semasa menjalankan siasatan perlu menyediakan pelan lakar lengkap dengan petunjuk menunjukkan kawasan kejadian dan lokasi di mana barang-barang kes ditemui.

(iv) **Khidmat Pakar Forensik**

Sekiranya khidmat pakar forensik diperlukan dalam pengumpulan bukti di tempat kejadian, maka IO perlu mendapatkan bantuan daripada Seksyen Forensik, Bahagian Penguatkuasaan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau agensi lain yang berkaitan.

(i) **Mengambil Gambar**

Gambar hendaklah diambil oleh pegawai dalam pasukan IO yang ditugaskan untuk mengambil gambar. Gambar boleh diambil menggunakan kamera filem atau kamera digital. Walau bagaimanapun, penggunaan kamera filem adalah digalakkan kerana pengemukaan gambar di mahkamah sebagai eksibit adalah lebih mudah bagi gambar yang diambil dengan kamera filem berbanding dengan gambar yang diambil dengan menggunakan kamera digital. Panduan mengambil dan pemprosesan gambar menggunakan kamera filem dan kamera digital adalah sepeti di bawah.

**(i) Mengambil dan Pemprosesan Gambar Menggunakan Kamera Filem**

Pegawai yang mengendalikan kamera filem dan menguruskan pemprosesan gambar hendaklah pegawai yang sama yang merakam gambar tersebut. Satu gulung filem hendaklah dikhaskan bagi satu kes sahaja. Filem tidak boleh dipotong kecuali setakat potongan yang dibuat oleh pencuci filem untuk tujuan dimasukkan dalam sampul filem. Peralatan kamera filem hendaklah diperiksa sebelum merakam gambar bagi memastikan perkara-perkara berikut:

(1) tetapan (setting) kamera adalah betul;

(2) tetapan tarikh dan masa adalah betul;

(3) filem adalah mencukupi;

(4) lampu pemancar (flash) berfungsi; dan

(5) bateri mencukupi.

**(ii) Mengambil dan Pemprosesan Gambar Menggunakan Kamera Digital**

Pegawai yang mengendalikan kamera digital dan memproses gambar hendaklah pegawai yang sama yang mengambil gambar tersebut. Pegawai yang memproses gambar itu hendaklah menyediakan Laporan Imej Digital seperti format di <u>LAMPIRAN 17</u> dan Perakuan di bawah seksyen 90A Akta Keterangan seperti format di <u>LAMPIRAN 18</u> untuk memastikan rantaian keterangan berkaitan gambar itu tidak terputus apabila mengemukakannya di mahkamah sebagai eksibit. Peralatan kamera digital hendaklah diperiksa sebelum mengambil gambar bagi memastikan perkara-perkara berikut:

(1) tetapan (setting) kamera adalah betul;

(2) tetapan tarikh dan masa adalah betul;

(3) kad memori mencukupi;

(4) lampu pemancar (flash) berfungsi; dan

(5) bateri mencukupi.

Integriti imej yang diambil dengan menggunakan kamera digital hendaklah dikekalkan dengan memastikan perkara-perkara berikut:

(1) gambar yang telah diambil hendaklah dicetak di atas kertas foto dengan menggunakan alat pencetak berwarna;

(2) gambar yang dicetak dan Laporan Imej Digital hendaklah diserahkan kepada IO kes berkenaan dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam setelah cetakan;

(3) pencetakan gambar hendaklah dijalankan secepat mungkin selepas gambar diambil bagi mengurangkan masa dan peluang untuk berlaku sebarang pindaan atau manipulasi kepada imej digital, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja;

(4) setelah gambar digital dicetak, proses penyalinan (burning) imej digital ke dalam cakera padat induk perlu dilakukan;

(5) salinan (burning) imej dalam cakera padat induk hendaklah dijalankan secepat mungkin selepas gambar dirakam dan dicetak bagi mengurangkan masa dan peluang untuk berlaku sebarang pindaan kepada imej, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja;

(6) proses penyalinan (burning) imej digital dalam cakera padat induk hendaklah dijalankan oleh pegawai yang mengambil gambar-gambar berkenaan;

(7) imej digital dalam kad memori hendaklah disalin (burning) ke dalam cakera padat induk dengan menggunakan format CD-R atau format DVD-R supaya tidak dapat dipinda atau dipadam. Penggunaan format CD-RW atau format DVD-RW adalah dilarang sama sekali;

(8) proses ini hendaklah dilaksanakan tanpa menggunakan sebarang perisian pengeditan dan fail imej mestilah dalam format yang sama seperti mula-mula diambil dalam kad memori;

(9) setiap gambar digital yang diambil tidak dipadam dari kad memori atau diubah suai dengan apa-apa cara sekalipun walaupun gambar itu kabur atau tidak jelas untuk mengelakkan pertikaian semasa perbicaraan;

(10) imej bagi satu kes hendaklah disalin di dalam satu cakera padat. Jika kad memori mempunyai imej daripada beberapa kes, maka imej ini perlu diasingkan mengikut kes dan disalin ke dalam cakera padat yang berasingan;

(11) nombor-nombor imej mesti berada dalam urutan, contohnya IMG_00019, IMG_00020, IMG 00021, IMG 00022, IMG 00023 dan seterusnya. Fail imej tidak boleh dinamakan semula;

(12) gambar digital tidak dihantar melalui rangkaian komunikasi seperti telefon bimbit atau e-mel;

(13) gambar digital hendaklah diambil dan disimpan dengan menggunakan kad memori yang dibekalkan oleh jabatan; dan

(14) sekiranya kad memori yang digunakan mempunyai pengunci untuk melindungi imej daripada terpadam, pengunci ini hendaklah digunakan sebagai langkah keselamatan.

Penyimpanan cakera padat induk yang telah dilabel hendaklah didaftarkan dalam Daftar Barang Kes dan disimpan dengan selamat oleh IO dalam kabinet kering untuk mengelakkan kondensasi dan kerosakan kepada cakera padat itu. Cakera padat induk hendaklah dilabel dengan sempurna serta mudah dibaca dan mengandungi butiran berikut:

(1) nombor siri cakera padat;

(2) bilangan imej;

(3) nombor laporan polis, balai polis terlibat dan tarikh;

(4) nama IO; dan

(5) nombor rujukan IP.

**(iii) Mengambil dan Pemprosesan Gambar Menggunakan Kamera Digital Peribadi**

Kamera digital peribadi termasuk kamera telefon bimbit TIDAK DIGALAKKAN untuk mengambil gambar yang akan dikemukakan sebagai keterangan di mahkamah kecuali dalam keadaan-keadaan terdesak seperti berikut:

(1) terdapat keterangan penting di suatu tempat kejadian;

(2) tiada kamera jabatan pada ketika itu;

(3) masa yang akan diambil untuk mendapatkan kamera jabatan dan dibawa ke tempat kejadian mungkin menyebabkan keterangan penting itu hilang atau lenyap; dan

(4) pegawai yang menggunakan kamera digital peribadi termasuk memproses gambar itu hendaklah menyediakan Laporan Imej Digital seperti format di **LAMPIRAN 17** dan Perakuan di bawah seksyen 90A Akta Keterangan sepertimana format di **LAMPIRAN 18** untuk memastikan rantaian keterangan berkaitan gambar itu tidak terputus apabila mengemukakannya di mahkamah sebagai eksibit.

## 6.3 Tindakan Selepas Siasatan

IO hendaklah sentiasa mengemaskini IP semasa proses siasatan berlangsung. Selepas selesai siasatan, IO perlu mengemaskini dokumen-dokumen siasatan mengikut Folio A, B, C, D dan E. Senarai semak dokumen di dalam IP adalah sepertimana di **LAMPIRAN 19**. Setelah IP dikemaskini, tindakan selepas siasatan selanjutnya oleh IO adalah sepertimana di bawah.

### (a) IP dirujuk kepada PPN

IP yang dilengkapkan bersama Ringkasan Keterangan Kes perlu dirujuk kepada PPN bagi mendapatkan arahan selanjutnya. Panduan penyediaan Ringkasan Keterangan Kes adalah seperti di **LAMPIRAN 20A** dan **LAMPIRAN 20B**. Ringkasan Keterangan Kes adalah berdasarkan kepada perkara-perkara seperti berikut:

(i) laporan polis;

(ii) kenyataan pengadu, suspek dan saksi;

(iii) hasil siasatan yang dibuat ke atas barang kes;

(iv) hasil siasatan yang dibuat ditempat kejadian; dan

(v) ulasan dan syor IO (termasuk syor tindakan ke atas kesalahan dan barang kes).

(b) **IP dirujuk kepada TPR**

Setelah mendapat arahan dari PPN, IO perlu mengemukakan IP yang telah lengkap kepada TPR untuk mendapatkan arahan selanjutnya, arahan pertuduhan atau keizinan mengkompaun kesalahan. IP tersebut hendaklah dikemukakan kepada TPR segera mungkin selepas siasatan tetapi tidak melebihi tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh laporan polis bagi kes berkenaan sebagaimana peruntukan seksyen 120 KPJ.

Bagi suspek yang BUKAN warganegara Malaysia, IP hendaklah dilengkapkan dengan seberapa segera bagi membolehkan TPR membuat pertuduhan sebelum tamat tempoh reman.

IO hendaklah mengambil tindakan ke atas setiap arahan TPR tanpa kelengahan. Tugasan IO selepas semakan IP oleh TPR boleh dibahagikan kepada lima (5) kategori sepertimana di bawah.

(i) **Arahan Untuk Siasat Lanjut**

Sekiranya sesuatu IP mendapat arahan untuk siasat lanjut daripada TPR, IO hendaklah merujuk kepada PPN dan mengambil tindakan lanjut sebagaimana arahan TPR.

IP yang telah dilengkapkan sebagaimana arahan siasat lanjut oleh TPR perlu dirujuk semula kepada PPN bagi mendapatkan arahan selanjutnya. Setelah mendapat arahan dari PPN, IO perlu mengemukakan IP yang telah lengkap kepada TPR.

(ii) **Arahan Untuk Pertuduhan Kes**

Sekiranya sesuatu IP mendapat arahan pertuduhan kes daripada TPR, IO hendaklah berhubung dengan TPR untuk penetapan tarikh pertuduhan kes, serta menyediakan dokumen-dokumen pertuduhan kes seperti berikut:

(1) laporan polis yang disahkan;

(2) kertas pertuduhan;

(3) borang bongkar;

(4) pelan lakar kawasan kejadian;

(5) gambar barang kes;

(6) pelan warta hutan simpan (jika berkaitan); dan

(7) fakta kes.

IO hendaklah memastikan kehadiran suspek hadir ke mahkamah pada hari pertuduhan serta memastikan barang kes dibawa ke mahkamah. Sekiranya Orang Kena Tuduh (OKT) memohon untuk dibicarakan, IO perlu memastikan perkara-perkara berikut:

(1) sekiranya OKT ditawarkan jaminan oleh mahkamah, IO boleh memaklumkan kepada ahli keluarga OKT. Sekiranya OKT tidak berkemampuan untuk membayar jaminan, IO perlu mendapatkan *Order To Produce* (OTP) daripada mahkamah bagi membolehkan OKT dihantar ke penjara reman;

(2) IO perlu menyediakan salinan-salinan dokumen untuk perbicaraan (seksyen 51A KPJ);

(3) IO perlu mengenalpasti senarai saksi, memohon Sepina daripada mahkamah dan menyempurna Sepina kepada saksi-saksi setelah tarikh perbicaraan diperolehi;

(4) pada setiap tarikh perbicaraan, IO perlu mendapatkan OTP daripada mahkamah untuk tujuan membawa keluar OKT dari penjara reman ke mahkamah;

(5) jika OKT telah disabitkan dengan kesalahan yang membawa kepada hukuman penjara, IO perlu mendapatkan Waran Memenjarakan daripada mahkamah dan seterusnya menghantar banduan ke penjara yang telah ditetapkan;

(6) jika terdapat keputusan mahkamah mengenai pelucuthakkan ke atas barang kes, IO perlu mengambil tindakan lanjut untuk proses pelucuthakkan barang kes tersebut; dan

(7) IO perlu memastikan IP diminit semula oleh TPR dan IP ditutup.

**(iii) Arahan Keizinan Mengkompaun Kesalahan**

IO perlu mengambil tindakan lanjut ke atas arahan keizinan mengkompaun oleh TPR dengan mengeluarkan Notis Tawaran Untuk Mengkompaun Kesalahan berdasarkan format dalam KKH setelah menerima arahan PPN dan segala tindakan adalah selaras dengan pekeliling KPPSM berkaitan yang berkuatkuasa.

Sekiranya OKT bersetuju menerima tawaran kompaun tersebut dan telah menjelaskan bayaran kompaun, IO hendaklah memastikan resit bayaran diperolehi dan disimpan dalam IP. IO perlu memastikan tawaran kompaun dijelaskan oleh OKT.

Sekiranya kompaun ditawarkan tetapi OKT enggan menjelaskan bayaran dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh PPN, IO hendaklah memaklumkan kepada TPR untuk tindakan pendakwaan.

(iv) **Arahan Untuk Tiada Tindakan Lanjut [No Further Action (NFA)]**

Sekiranya sesuatu IP mendapat arahan NFA, IO hendaklah merujuk kepada PPN dan mengambil tindakan lanjut sebagaimana arahan TPR.

(v) **Arahan Kes Untuk Simpan (KUS)**

Sekiranya sesuatu IP mendapat arahan KUS, IO hendaklah merujuk kepada PPN dan mengambil tindakan lanjut sebagaimana arahan TPR dan seterusnya IO hendaklah mengecap FAIL TUTUP pada kulit fail pertama IP.

## 7.0 CARTA ALIR PROSES SIASATAN KESALAHAN HUTAN

Carta Alir Proses Siasatan Kesalahan Hutan adalah seperti di <u>LAMPIRAN 21A</u> dan <u>LAMPIRAN 21B</u>.

## 8.0 PEMATUHAN PEKELILING

8.1 Pekeliling yang dikeluarkan ini hendaklah berkuat kuasa dan dianggap sah sehingga dipinda atau digantikan dengan satu pekeliling lain atau dibatalkan.

8.2 Keengganan dan kegagalan mematuhi Pekeliling ini tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan seorang Pegawai Perhutanan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan peraturan lain yang berkuat kuasa.

## 9.0 PEMANSUHAN

Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, **Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia Bilangan 9 Tahun 2013 Tatacara Siasatan** adalah dimansuhkan.

## 10.0 TARIKH BERKUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG)**
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Tarikh : 2 Januari 2020

LAMPIRAN 1

## SENARAI KESALAHAN HUTAN DI BAWAH APN 1984

| Kesalahan | | Penalti | |
|---|---|---|---|
| Seksyen/ subseksyen/ perenggan | Keterangan | Seksyen/ subseksyen/ perenggan | Keterangan |
| 15(1) | mengambil hasil-hasil hutan dari Hutan Simpanan Kekal (HSK) & Tanah Kerajaan tanpa Lesen. | 15(2) | denda tidak melebihi RM500,000 dan penjara tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun. |
| 25(2) | tidak mematuhi Notis Borang 2. | 25(2) | denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-keduanya dan denda selanjutnya tidak melebihi RM1,000 tiap hari atau sebahagian hari kesalahan berterusan. |
| 32(1) | menduduki atau menjalankan sebarang aktiviti dalam HSK tanpa permit penggunaan. | 32(2) | denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. |
| 40(1) | memindah hasil hutan tanpa lesen pemindah dari kawasan:<br>(i) tanah berimilik.<br>(ii) tanah di bawah lesen pendudukan sementara.<br>(iii) tanah lombong.<br>(iv) tanah rizab. | 40(2) | denda tidak melebihi RM500,000 dan penjara tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun. |
| 47(1) | memasuki hutan tertutup tanpa kebenaran bertulis atau permit memasuki HSK. | 47(4) | denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. |

| Kesalahan | | Penalti | |
|---|---|---|---|
| Seksyen/ subseksyen/ perenggan | Keterangan | Seksyen/ subseksyen/ perenggan | Keterangan |
| 50(1) | menggunakan kereta motor di atas mana-mana jalan hutan tanpa permit jalan. | 50(4) | denda tidak melebihi RM10,000. |
| 66(4)(*a*) | memindah hasil hutan tanpa diukur di tempat dan masa yang ditetapkan. | 66(4) | denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. |
| 66(4)(*b*) | mengangkut hasil hutan dari kawasan lesen ke tempat pengukuran dengan menggunakan jalan yang lain daripada jalan yang dinyatakan oleh PPN. | 66(4) | denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. |
| 66(4)(*c*) | memindah hasil hutan dari kawasan lesen ke suatu tempat yang lain daripada tempat pengukuran hasil hutan itu yang ditetapkan oleh PPN. | 66(4) | denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. |
| 67(1) | tidak membawa hasil hutan yang dipindahkan melalui lesen pemindah yang Royalti kena di bayar ke tempat pengukuran yang ditetapkan oleh PPN. | 67(2) | denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. |
| 68(1) | memiliki, menjaga atau mengawal apa-apa hasil hutan tanpa Pas Pemindah. | 68(4)(*a*) | denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. |

| Kesalahan | | Penalti | |
|---|---|---|---|
| Seksyen/ subseksyen/ perenggan | Keterangan | Seksyen/ subseksyen/ perenggan | Keterangan |
| 69(1) | operator loji penukaran tidak memiliki Pas Pemindah dan rekod pengukuran bagi hasil hutan yang telah, sedang atau hendak ditukar bentuk atau bagi hasil hutan yang berada di dalam kawasan loji penukaran atau premis lain di bawah jagaan atau kawalannya. | 69(3)(*a*) | denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. |
| 69(2) | operator loji penukaran tidak dapat atau enggan menyerahkan Pas Pemindah dan rekod ukuran untuk pemeriksaan. | 69(3)(*b*) | denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. |
| 81(1)(*a*) | melakukan perbuatan yang dilarang dalam HSK:<br><br>melepas ternakan atau membenar ternakan meragut. | 81(2)(*a*) | denda tidak melebihi RM10,000. |
| 81(1)(*b*) | menebang, memotong, menggelang, menanda, menutuh atau menoreh mana-mana pokok atau merosakkan dengan api atau selainnya atau memindahkan mana- mana pokok atau kayu. | 81(2)(*b*) | denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. |
| 81(1)(*c*) | menyebabkan apa-apa kerosakan semasa menebang pokok atau memotong atau mengheret kayu. | 81(2)(*b*) | denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya. |

| Kesalahan | | Penalti | |
|---|---|---|---|
| Seksyen/ subseksyen/ perenggan | Keterangan | Seksyen/ subseksyen/ perenggan | Keterangan |
| 81(1)(*d*) | mencari, mengambil, mendedah kepada apa-apa proses pengilangan atau memindah apa-apa hasil hutan atau mineral. | 81(2)(*c*) | denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. |
| 81(1)(*e*) | membersih atau membajak tanah untuk tanaman atau maksud lain. | 81(2)(*c*) | denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. |
